

Bank Negara buat laporan polis terhadap WSJ – Najib

KUALA LUMPUR 27 Mei – Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Muhammad Ibrahim telah membuat laporan polis terhadap *Wall Street Journal* (WSJ) hari ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib yang mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini memberitahu pemberita demikian apabila ditanya sama ada beliau akan mengambil tindakan terhadap WSJ berikutan beberapa laporan mengenai 1Malaysia Development Bhd. (1MDB).

Difahamkan satu daripada laporan itu berkaitan dokumen bocor yang didakwa dari BNM kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai pemilikan Good Star Ltd. oleh Jho Taek Low atau lebih dikenali sebagai Jho Low.

Najib berkata, polis perlu menyiasat laporan itu kerana me-



Polis perlu menyiasat laporan itu kerana menerbitkan dokumen di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) adalah satu perkara serius.

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

nerbitkan dokumen di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) adalah satu perkara serius.

“Mereka (polis) perlu memberi jawapan kepada kita,” katanya.

Ditanya sama ada laporan yang diterbitkan itu tulen, Najib berkata, beliau akan membiarkan polis menyiasat. - **BERNAMA**